



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Pengenalan kepada AKJ (Pemansuhan) 2022 & AKKP (Pindaan) 2022



JERAYAWARA PERUNDANGAN BAHARU KKP NEGARA TAHUN 2024

20 – 29 MEI 2024

Status tindakan yang dikeluarkan di bawah AKJ 1967

Seksyen 4(1)

Pendaftaran

Perintah

Arahan

Kuasa bertulis

Kebenaran memasang

Perakuan kelayakan

SSI

Perakuan kekompetenan

Diuruskan di bawah AKKP 1994

Seksyen 4(2)


Notis S.19(2)
JKJ 110

Notis S.39(3) & S.40(4)
JKJ 26


Diuruskan di bawah AKJ 1967



Status permohonan yang belum selesai di bawah AKJ 1967



Seksyen 5(a)
Permohonan
perakuan
kekompentenan
atau kuasa
bertulis di
bawah
Subseksyen
29(2) Akta 139



Seksyen 5(b)
Permohonan
kebenaran
bertulis
penggunaan
premis sebagai
kilang di bawah
Subseksyen
34(2) Akta 139



Seksyen 5(c)
Permohonan
kebenaran
bertulis
pemasangan
jentera di
bawah
Subseksyen
36(1) Akta 139



Seksyen 5(d)
Permohonan
pemeriksaan
pertama di
bawah Seksyen
36(3) Akta 139



Seksyen 5(e)
Permohonan
rayuan di
bawah Seksyen
36(6) Akta 139



Seksyen 5(f)
Permohonan
pemeriksaan
berkala jentera
berperakuan di
bawah Seksyen
40 Akta 139



Seksyen 5(g)
Permohonan
kebenaran bagi
skim
pemeriksaan
khas di bawah
Subseksyen
40(5) Akta 139

**Diuruskan di bawah AKJ 1967
sehingga selesai**



Status prosiding perundangan yang belum selesai di bawah AKJ 1967



Penyiasatan



Kes pendakwaan




Kompaun


Seksyen 6:

Prosiding undang-undang, pendakwaan atau penyiasatan yang belum selesai sebelum berkuatkuasa pemansuhan boleh dimulakan, diteruskan atau dikuatkuasakan di bawah AKJ 1967 [Akta 139]


Pengurusan Perubahan AKJ (Pemansuhan) 2022



**Kebenaran bertulis
penggunaan
premis sebagai
kilang di bawah
Subseksyen
34(2) Akta 139**



**Kebenaran bagi
Skim
Pemeriksaan
Khas (SSI) di
bawah
Subseksyen
40(5) Akta 139**



**Notis di bawah
Seksyen 19(2),
Seksyen 39(3)
dan Seksyen
40(4), Akta
Kilang dan
Jentera 1967**

Pengurusan Perubahan


Kebenaran Bertulis Penggunaan Premis Sebagai Kilang

Q


Apakah status permohonan pemeriksaan pertama kilang yang diterima sebelum atau pada 31 Mei 2024?

FAQ Soalan B-1


“



Akan diuruskan mengikut AKJ 1967



Pemeriksaan pertama kilang akan dibuat sebelum atau pada 31 Ogos 2024



Pembayaran fi adalah mengikut AKJ

”

Pengurusan Perubahan

Kebenaran Bertulis Penggunaan Premis Sebagai Kilang

Q

Adakah pemunya
perlu membuat
permohonan
pemeriksaan
pertama kilang
selepas 31 Mei
2024?

FAQ Soalan B-2

“Pemunya tidak perlu lagi membuat
permohonan pemeriksaan pertama
kilang selepas 31 Mei 2024.”


Pengurusan Perubahan

Status Notis Di Bawah Akta Kilang dan Jentera

Tempoh sehingga 31 Mei 2024



NOTIS S.19(2)



NOTIS S.39(3)

NOTSI S.40(4)

Notis yang telah dikeluarkan sebelum atau pada 31 Mei 2024 adalah masih sah dan perlu diuruskan sehingga selesai di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Bermula 1 Jun 2024

Kesalahan bagi loji yang **tidak mempunyai perakuan kelayakan** boleh dikeluarkan notis melarang pengendalian loji di bawah Seksyen 27D(6), Akta 514.

Kesalahan bagi **tempat kerja, loji, bahan atau proses yang mendatangkan risiko** boleh dikeluarkan notis perbaikan atau notis larangan di bawah Seksyen 48 Akta 514.

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PINDAAN) 2022 [AKTA A1648]

PERUNTUKAN UTAMA AKKP (PINDAAN) 2022



Pemakaian Akta



Integriti jentera



Penyelaras KKP



Kewajipan majikan & prinsipal

Keperluan latihan KKP

Pentaksiran risiko



Hak pekerja

Kawal selia pengamal KKP



Perkhidmatan kesihatan pekerjaan

Memperkasa MNKKP



Peruntukan utama AKKP (Pindaan) 2022

Pemakaian



Terpakai kepada semua tempat kerja **kecuali**

- Pekhidmat domestik
- Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
- Pekerjaan di atas kapal

Akta A1648:

S1(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), Akta ini hendaklah terpakai bagi **semua tempat kerja di seluruh Malaysia termasuk dalam perkhidmatan awam dan pihak berkuasa berkanun.**

S1(3) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini terpakai bagi pekerjaan yang dinyatakan dalam **Jadual Pertama**.

“JADUAL PERTAMA

(Subseksyen 1(3))

Ketidakkpakaian

1. Pengambilan kerja domestik berhubung dengan seseorang yang mengambil kerja orang lain, atau yang diambil kerja, sebagai pembantu rumah mengikut pengertian Akta Kerja 1955 [Akta 265]
2. Angkatan tentera
3. Pekerjaan atas kapal yang ditadbir oleh Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [Ord. No 70 Tahun 1952], Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 (Sabah) [Ord. No. 11 Tahun 1960] atau Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 (Sarawak) [Ord. No. 2 Tahun 1960]”.

Peruntukan utama AKKP (Pindaan) 2022

Takrifan

Menambahbaik takrifan sedia ada seperti definisi “**majikan**”, “**pekerja**” bagi menjelaskan lagi hubungan antara pekerja dan majikan.



Peruntukan utama AKKP (Pindaan) 2022

Kewajipan Majikan

Memperkenalkan tanggungjawab tambahan kepada “majikan”

- Keperluan membangun & melaksana pelan kecemasan di tempat kerja.



Bagi memastikan wujud tatacara atau pelan bagi mengurangkan kesan akibat kemalangan yang berlaku.

15. (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjaanya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), perkara yang diliputi oleh kewajipan itu termasuklah terutamanya —

(a) pengadaan dan penyenggaraan loji dan sistem kerja yang, setakat yang praktik, selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;

(b)...

(c) ...

(d) ...

(e) ...

(f) pembangunan dan pelaksanaan tatacara bagi berurusan dengan kecemasan yang boleh timbul semasa pekerjaanya sedang bekerja.

Kewajipan Prinsipal

Memperkenalkan tanggungjawab “**prinsipal**”

- Menjelaskan tanggungjawab antara pemaju/pemilik dengan kontraktor, subkontraktor dan pekerja.



Isu KKP diambil kira dari peringkat awal i.e peringkat perancangan dan rekabentuk.

18A. (1) Hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap **prinsipal** untuk **mengambil**, setakat yang boleh dipraktikkan, **apa-apa langkah sebagaimana yang perlu untuk memastikan keselamatan dan kesihatan**—

- (a) mana-mana **kontraktor** yang diguna khidmat oleh prinsipal apabila sedang bekerja;
- (b) mana-mana **subkontraktor** atau subkontraktor tidak langsung apabila sedang bekerja; dan
- (c) mana-mana **pekerja yang diambil kerja** oleh kontraktor atau subkontraktor apabila sedang bekerja.

(2) Kewajipan yang dikenakan ke atas prinsipal dalam subseksyen (1) hendaklah **hanya terpakai jika kontraktor, subkontraktor atau pekerja yang disebut dalam subseksyen itu bekerja di bawah arahan prinsipal mengenai cara kerja itu dijalankan.**

Peruntukan utama AKKP (Pindaan) 2022

Pentaksiran Risiko

Peruntukan spesifik kewajiban majikan menjalankan pentaksiran risiko dan langkah kawalan risiko di tempat kerja.

- Kenalpasti bahaya
- Analisis risiko
- Kawalan risiko



Kewajipan untuk menjalankan pentaksiran risiko dan melaksanakan langkah-langkah kawalan

18B. (1) Tiap-tiap majikan, orang yang bekerja sendiri atau prinsipal hendaklah **menjalankan pentaksiran risiko** berhubung dengan risiko keselamatan dan kesihatan yang terdedah kepada mana-mana orang yang mungkin terjejas dengan pengusahaannya di tempat kerja.

(2) Jika pentaksiran risiko menunjukkan bahawa kawalan risiko dikehendaki untuk menghapuskan atau mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan, majikan, orang yang bekerja sendiri atau prinsipal itu **hendaklah melaksanakan kawalan** itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “pentaksiran risiko” ertinya proses membuat penilaian risiko kepada keselamatan dan kesihatan yang timbul daripada bahaya semasa bekerja dan menentukan langkah-langkah yang wajar bagi pengawalan risiko.

Peruntukan utama AKKP (Pindaan) 2022

Integriti Jentera

Memasukkan elemen pengurusan integriti jentera, kebenaran memasang, pemeriksaan jentera, perakuan kelayakan dan Skim Pemeriksaan Khas (SSI)



Orang Berlesen (OBL)

Peruntukan bagi membolehkan Orang Berlesen dilantik bagi menjalankan pemeriksaan loji dan pengeluaran Perakuan Kelayakan.

- Meningkatkan pengurusan loji oleh industri.
- Menangani isu *backlog* pemeriksaan jentera.

Bahagian VIA: Pemberitahuan Menduduki Tempat Kerja, Pemasangan dan Pemeriksaan Loji.

S.27A PEMBERITAHUAN TEMPAT KERJA DAN AKTIVITI
Pemeriksaan Berkala Kilang dimansuhkan.

S.27B PENETAPAN LOJI YANG PERLUKAN PERAKUAN KELAYAKAN
S.27C PEMASANGAN LOJI
S.27D PERAKUAN KELAYAKAN
S.27E PEMERIKSAAN BERKALA LOJI

Ditetapkan dalam Peraturan KKP (Loji Yang Memerlukan Perakuan Kelayakan) 2024 [P.U.(A) 99/2024]

S.27F SKIM PEMERIKSAAN KHAS

Peraturan berkaitan Skim Pemeriksaan Khas dikekalkan dan ditambah baik

S.27G PERINTAH KHAS KETUA PENGARAH

Peruntukan utama AKKP (Pindaan) 2022

Hak Pekerja



International
Labour
Organization

Menambahbaik hak pekerja mengambil kira
Article 13, ILO C155

- Hak pekerja untuk mengasingkan diri dari tempat kerja sekiranya terdapat bahaya hampir pasti yang mengancam KKP mereka.

26A. (1) Seseorang pekerja, selepas memberitahu majikannya atau wakilnya yang dia mempunyai justifikasi yang munasabah untuk mempercayai terdapat suatu **bahaya hampir pasti berlaku** di tempat kerjanya, hendaklah mempunyai hak untuk mengeluarkan dirinya daripada bahaya atau kerja itu jika majikan itu gagal untuk mengambil apa-apa tindakan untuk menghapuskan bahaya itu.

(2) Seseorang pekerja yang mengeluarkan dirinya daripada bahaya mengikut subseksyen (1) hendaklah dilindungi daripada akibat tidak wajar dan tidak boleh didiskriminasikan.

Bagi maksud seksyen ini, “**bahaya hampir pasti berlaku**” ertinya suatu risiko kematian yang serius atau kecederaan badan yang serius kepada mana-mana orang yang disebabkan oleh mana-mana loji, bahan, keadaan, aktiviti, proses, amalan, tatacara atau bahaya tempat kerja.

Perkhidmatan Kesihatan Pekerja

- Pengadaan perkhidmatan bagi perlindungan kesihatan pekerja semasa bekerja;
- Penggalakan kesihatan dan kesejahteraan di tempat kerja;
- Pencegahan penyakit dan keracunan pekerja.



Perkhidmatan Kesihatan Pekerja

28. (1) Jika Menteri mendapati bahawa dalam mana-mana tempat kerja atau kelas atau jenis tempat kerja —

(a) kes penyakit telah terjadi yang dia mempunyai sebab untuk percaya mungkin disebabkan oleh jenis proses atau keadaan lain kerja;

(b) oleh sebab perubahan dalam mana-mana proses atau dalam bahan yang digunakan dalam mana-mana proses atau, oleh sebab pengenalan apa-apa proses baru atau bahan baru bagi kegunaan dalam sesuatu proses, mungkin terdapat risiko kesan buruk kepada kesihatan orang yang diambil kerja dalam proses itu; atau

(d) mungkin terdapat risiko kesan buruk kepada kesihatan orang yang diambil kerja dalam mana-mana pekerjaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, atau daripada apa-apa bahan atau benda yang dibawa ke industri itu untuk digunakan atau dikendalikan dalamnya atau daripada apa-apa perubahan keadaan dalam industri itu,

dia boleh membuat peraturan-peraturan menghendaki supaya perkiraan bagi perkhidmatan kesihatan pekerja.

Peruntukan utama AKKP (Pindaan) 2022

Melantik OSH-C

Keperluan melantik salah seorang pekerja untuk bertindak sebagai Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH-C).

- Untuk membantu majikan penyelar pematuhan perundangan KKP dan program KKP di tempat kerja

SEKSYEN 29A

29A (1) Seseorang **majikan** yang **tempat kerjanya TIDAK** termasuk dalam mana-mana **kelas** atau **jenis tempat kerja** sebagaimana yang disiarkan dalam *Warta* di bawah subseksyen 29(1) hendaklah **melantik** salah seorang daripada pekerjaanya untuk bertindak sebagai **Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH-C)** jika dia mengambil kerja **lima atau lebih pekerja** di tempat kerjanya.

Majikan yang telah melantik seorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) walaupun tempat kerja tidak termasuk dalam Perintah SHO, **tidak perlu** melantik OSH-C



Penambahbaikan SHO

Keperluan “**mengambil kerja**”
ditukarkan kepada “**melantik**”

SHO hanya dibenarkan
bertugas untuk satu tempat
kerja sahaja.

Pegawai keselamatan dan kesihatan

S.29. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi apa-apa kelas atau jenis **tempat kerja** yang ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.

(2) Seseorang penghuni suatu tempat yang baginya seksyen ini terpakai hendaklah **melantik seorang orang yang kompeten** untuk bertindak sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

.....

S.29 (4) Seseorang hendaklah dilantik sebagai pegawai keselamatan dan kesihatan hanya untuk satu tempat kerja pada satu-satu masa, melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah;

Keperluan Latihan KKP

Keperluan “kelas atau perihal orang” untuk menghadiri kursus KKP yang ditetapkan.

- Memastikan pekerja yang ditetapkan diberi latihan sebelum melakukan aktiviti kerja.
- Satu Perintah akan dikeluarkan.



SEKSYEN 31A

(1) **Menteri** boleh, melalui **perintah** yang disiarkan dalam *Warta*, menghendaki mana-mana **kelas** atau **perihal orang** untuk **menghadiri kursus latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan** sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu yang dijalankan oleh seorang **penyedia latihan berdaftar**.

(2) **Majikan** mana-mana orang yang dikehendaki untuk menghadiri apa-apa kursus latihan di bawah subseksyen (1) hendaklah **memastikan** yang orang itu telah **menyelesaikan kursus latihan** tersebut **sebelum** membenarkan orang itu untuk **melaksanakan apa-apa kerja** yang baginya latihan itu diperlukan.

Ketua Pengarah boleh, mengeluarkan arahan untuk pekerja yang ditetapkan mengikuti **kursus ulangkaji**.

Peruntukan utama AKKP (Pindaan) 2022

Kawal selia pengamal KKP

Pendaftaran, pemantauan dan akauntabiliti pengamal KKP (Orang Kompeten, Penyedia Latihan, Firma Kompeten) diseragamkan dibawah perundangan.

- Meningkatkan komitmen dan tahap profesionalisma pengamal KKP.
- Kawal selia dan tindakan undang-undang boleh dilakukan.



Bahagian VIIA. Peruntukan bagi Orang Kompeten dan Penyedia Latihan.

S.31C Permohonan Pendaftaran

S.31D Kesahan Pendaftaran

S.31E Pembaharuan Pendaftaran

S.31F Pembatalan Pendaftaran

JADUAL KELIMA

[Perenggan 31B(1)(a)]

Aktiviti

1. Untuk memasang siap, memasang, mendirikan, membuka, menguji, memeriksa, menyenggara, membaiki atau menservis apa-apa loji atau kelengkapan kawalan kejuruteraan
2. Untuk mengendalikan, menangani atau menjaga mana-mana loji
3. Untuk menjalankan pengawasan perubatan dan pemeriksaan kesihatan
4. Untuk menjalankan pentaksiran risiko kesihatan bagi apa-apa bahan kimia yang berbahaya kepada kesihatan
5. Untuk menjalankan pentaksiran kualiti udara dalaman
6. Untuk memantau atau menguji persekitaran kerja, loji atau tempat kerja termasuk pemantauan pendedahan kimia, pemantauan bunyi dan ujian audio metrik
7. Untuk menjalankan apa-apa latihan, pentaksiran dan penelitian bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan”.

Peruntukan utama AKKP (Pindaan) 2022

Memperkasa MNKKP

Meningkatkan keberkesanan MNKKP.

- Keanggotaan maksimum 25 orang (kerajaan, majikan, pekerja, NGO, ahli akademik dan profesional)
- Selaras dengan perkembangan kompleksiti industri.

Wakil	AKKP 1994 (ahli)	Pindaan AKKP (ahli)
Majikan	3 (organisasi yang mewakili majikan)	5 (organisasi yang mewakili majikan)
Pekerja	3 (organisasi yang mewakili pekerja)	5 (organisasi yang mewakili pekerja)
Kementerian Jabatan	≥ 3	5 (termasuk KP Kesihatan & wakil Kementerian atau Jabatan)
Organisasi / Badan Profesional	≥ 3 termasuk 1 wanita	≥ 3 termasuk 1 wanita (Organisasi / Badan Profesional)
Agensi KSM	Bukan ahli (pemerhati)	KSU KSM, KP JKPP, ED NIOSH, KE PERKESO
Jumlah	12 < ahli < 15 (termasuk Pengerusi & Timb.Pengerusi)	22 < ahli < 25 (termasuk Pengerusi, Timb. Pengerusi & Setiausaha)

Peruntukan utama AKKP (Pindaan) 2022



Peningkatan Penalti - *deterrent effect*

	Penalti Sedia ada	Penalti Pindaan
Penalti Am	RM10K	RM100K
	-	Penjara : 1 tahun
Kewajipan Majikan, Prinsipal	RM 50K	RM 500K
	Penjara : 2 tahun	Penjara : 2 tahun
Kewajipan Pekerja	RM 1K	RM 2K
	Penjara : 3 bulan	Penjara : 3 bulan
Orang Kompeten	-	RM 100K
Tidak mematuhi Notis	RM 50K	RM 500K
	Penjara : 5 tahun	Penjara : 2 tahun
	Setiap hari kesalahan berterusan – RM 500	Setiap hari kesalahan berterusan – RM 2K

Perbandingan dengan

- Lain-lain Akta tempatan (Akta 127, Akta 520) yang mempunyai konsep perundangan yang sama menetapkan penalti maksima RM500K
- Akta KKP luar negara juga mengenakan denda yang tinggi.

➤ Bilakah akan dikuatkuasakan?



AKKP (PINDAAN) [Akta A1648]

**AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(PINDAAN) 2022**

Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan 1994.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

AKJ (PEMANSUHAN) [Akta 835]

AKTA KILANG DAN JENTERA (PEMANSUHAN) 2022

Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Kilang dan Jentera 1967.

[

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2022.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.





OSH
MASTER
PLAN
2025

TERIMA KASIH



doshmalaysia



PELAN
INDUK
KKP
2025



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

